

18 AUG 1998
Mahathir-MSK
SYARIKAT TEMPATAN PERLU GUNA MSC, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata syarikat-syarikat tempatan perlu mengambil peluang menggunakan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai tempat menguji sistem dan perkhidmatan teknologi maklumat (IT) mereka sebelum dibawa ke pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri berkata syarikat tempatan tidak boleh ketinggalan dalam menggunakan MSC yang menyediakan kemudahan infrastruktur canggih untuk syarikat-syarikat asing terkemuka dan menguji perkhidmatan masing-masing.

"Ini harapan kerajaan," katanya ketika melancarkan laman web "MetroVisionews on the Net", sebuah laman web yang dibangunkan syarikat televisyen swasta Metro Vision yang menyediakan perkhidmatan berita di Internet.

Dr Mahathir berkata pada masa ini telah banyak syarikat tempatan yang merancang mewujudkan makmal masing-masing di MSC.

"Mereka ini juga menunjukkan kebolehan istimewa dan luar biasa (dalam IT)," katanya.

MSC, satu kawasan seluas 750 kilometer persegi dari KLCC ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, dikhususkan untuk perkembangan produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir berkata dengan menggunakan MSC sebagai tempat ujian, ciptaan unik teknologi tempatan dapat ditonjolkan kepada dunia untuk dipasarkan.

"MSC akan membawa peluang kepada banyak syarikat," katanya.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai penyalahgunaan Internet sebagai wadah penyebaran khabar angin yang tidak berasas kononnya berlaku rusuhan di Chow Kit baru-baru ini.

Katanya, dengan adanya perkhidmatan berita yang sah dan boleh dipercayai di Internet khabar-khabar angin sedemikian dapat diatasi.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara juga dapat menerima maklumat yang tepat mengenai negara melalui perkhidmatan sedemikian.

Perdana Menteri berkata Metro Vision perlu memberi perkhidmatan yang baik dengan menjaga kredibiliti berita yang disiarkan supaya orang ramai dapat menaruh kepercayaan terhadapnya.

Khidmat berita di Internet itu juga akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan maklumat dan berita mengenai negara yang dihadapi oleh rakyat Malaysia di luar negara.

"Metrovisionews on the Net" yang boleh didapati secara percuma oleh pengguna Internet, dijangka mendapat sambutan daripada rakyat Malaysia di luar negara terutama bagi pejabat-pejabat kedutaan, suruhanjaya perdagangan, syarikat penerbangan, pelancongan serta pelajar.

Dua rancangan berita semasa yang disiarkan stesen televisyen Metro Vision iaitu berita bahasa Malaysia Metro Jam Lapan dan berita berbahasa Inggeris Metro Niteline akan dapat diikuti hampir masa sebenar siaran itu di Internet menerusi <http://Visionews.com>.

Pengarah Urusan Metro Vision, Sabri A. Rahman berkata selain berita, laman web itu akan dikembangkan dengan program interaktif lain seperti dokumentari, kuiz dan forum.

Liputan berita sambutan Hari Kemerdekaan 31 Ogos depan serta Sukan Komanwel Ke-16 pada bulan September juga akan dimuatkan dalam laman web yang dibangunkan bersama Metro Vision dan syarikat tempatan, Perwimas

Telecommunications.
-- BERNAMA
RAZ oba